

FAKTOR - FAKTOR SOKONGAN OLTH PERSEKUTARAN TEMPAT KERJA
DALAM MELAKSANAKAN PEMINDAHAN LATIHAN.
(PERSEPSI PESERTA KURSUS KELAYAKAN PROFESIONAL PENGETIAAN
KEBANGSAAN (NPQH) 1/89 NEGERI JOHOR.)

AHMED SABRY B. OTHMAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

108041



108041

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor sokongan persekitaran tempat kerja untuk pelaksanaan pemindahan latihan di kalangan guru-guru yang telahpun mengikuti program NPQH iaitu Kursus Kelayakan Pengetuaan Kebangsaan di Institut Aminudin Baki. Kepuasan responden terhadap keupayaan mereka melaksanakan pemindahan latihan dilihat dari aspek perjawatan, pembangunan diri dan penghargaan yang diterima dari pihak J.P.N.J, P.P.D, pentadbir sekolah dan rakan sejawat.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sokongan pihak JPNJ dan PPD berada di tahap yang kurang memuaskan dan kurang membantu proses pemindahan latihan. Manakala sokongan dari pihak pentadbir sekolah dan rakan sejawat berada pada tahap yang sangat tinggi. Rakan sejawat memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi. Malah mereka menghargai SKA yang diperolehi peserta NPQH. Pihak pentadbir sekolah dan rakan sejawat selalu merujuk dan meminta khidmat dan pandangan pelatih dalam menjalankan tugas harian.

Didapati bahawa faktor jawatan juga memberikan kesan yang besar terhadap tanggapan peserta NPQH mengenai berlakunya pemindahan latihan. Responden yang tidak diberi apa-apa jawatan selepas kembali semula bertugas di sekolah memberikan skor persetujuan sokongan yang negatif manakala mereka yang telah menjawat Guru Penolong Kanan 1 memberikan skor di tahap positif yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa jawatan yang diberi kepada pelatih merupakan salah satu motivasi bagi menggalakkan mereka memindahkan SKA di tempat kerja masing-masing.

Responden menunjukkan kepuasan yang tinggi dari aspek tanggungjawab, pembangunan diri yang diterima dan sumbangan yang mereka berikan di tempat kerja. Persekitaran tempat kerja yang kondusif akan menggalakkan proses pelaksanaan pemindahan latihan oleh peserta NPQH.

BAB I

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Profesion perguruan di Malaysia pada masa ini sedang bergerak ke arah mencapai tahap pendidikan bertaraf dunia, iaitu bermatlamat untuk berada di dalam suasana duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju yang lain. Untuk mencapai pendidikan bertaraf dunia, pihak pengurusan sekolah yang dipimpin oleh pengetua perlu dibekalkan dengan ilmu pengurusan sekolah yang bertaraf dunia. Latihan kepada pihak pengurusan sekolah sangatlah penting supaya mereka dapat mentadbir sekolah dengan lebih sistematik untuk melahirkan generasi baru yang cemerlang dari semua aspek.

Akan tetapi, satu perkara penting yang menarik minat pengkaji ialah untuk mendalami persepsi peserta program latihan, iaitu Kursus Kelayakan Profesional Kepengetuaan Kebangsaan (NPQH) terhadap sokongan dan peluang yang diberikan oleh persekitaran tempat kerja dalam melaksanakan pemindahan latihan. Dengan kata lain, ianya mengkaji peluang dan sokongan yang diberikan oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), pentadbir sekolah dan rakan sejawat kepada peserta NPQH untuk mengamalkan kemahiran, pengetahuan dan sikap (SKA) yang diperolehi semasa program latihan dijalankan ke tempat kerja masing-masing.

Charil (2000) mengatakan bahawa pembangunan sumber manusia kini memberikan penekanan terhadap bidang sains dan teknologi bagi memenuhi keperluan Wawasan 2020 yang menuntut pelbagai perubahan dalam struktur pendidikan.

Menurutnya lagi perubahan peranan pengetua itu berlaku kerana desakan Kementerian Pendidikan, JPNJ dan PPD supaya pihak sekolah berusaha mewujudkan sekolah berkesan atau kecemerlangan akademik.

Menyedari hakikat ini, pihak kerajaan telah mengambil pelbagai langkah dan melaksanakan berbagai-bagai program untuk mempertingkatkan martabat profession perguruan. Salah satu langkah kerajaan untuk memastikan pihak pengetua mempunyai ilmu pengurusan yang baik sebelum mereka menjawat jawatan tertinggi di sekolah iaitu pengetua ialah dengan memperkenalkan NPQH yang dikendalikan oleh Institut Aminudin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia yang terletak di Sri Layang, Genting Highlands, Pahang Darul Makmur.

Pengurusan pendidikan adalah aspek yang terpenting di sekolah bagi memastikan generasi yang akan datang berilmu dan berakhlak mulia. Pihak pengurusan sekolah juga berperanan bagi menghasilkan penghayatan terhadap Falsafah Pendidikan Negara iaitu mewujudkan satu usaha yang berterusan bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

Program NPQH yang dirancang rapi melalui program latihan IAB ini akan memberi peluang untuk menggembelng tenaga serta membangunkan pasukan pengetua yang cekap. Ia merupakan ruang kepada para pelatih untuk mengemaskini pengetahuan mengenai pengurusan pendidikan khasnya dan dasar – dasar kerajaan amnya. Program Kepengetuaan ini menyediakan pengalaman yang terancang dan memberikan penambahbaikan sendiri kepada pelatih bagi tujuan mempertingkatkan keyakinan diri dan keterampilan untuk memimpin dan mengurus institusi sekolah dengan lebih berkesan.

Melalui program ini juga membolehkan terbinanya satu sistem jaringan profesional bagi memperbaiki secara berterusan sistem pengurusan dan kepimpinan pendidikan. Program ini merupakan salah satu strategi yang digunakan bagi menyahut

segala cabaran yang dihadapi oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih cemerlang dan berkualiti yang mencapai pendidikan bertahap dunia. Perolehan kemahiran memimpin dan mengurus ini adalah sejajar dengan kehendak dan keperluan aspirasi pembangunan negara.

1.1 Penyataan Masalah

Di Malaysia, program latihan telah menjadi agenda nasional terutama dalam proses pembentukan budaya kerja cemerlang dalam sesebuah organisasi. (Ahmad Sarji, 1993). Goldstein (1990) pula mencadangkan supaya individu, pengurus dan organisasi menjadikan latihan sebagai satu jalan penyelesaian bagi masalah yang ada kaitannya dengan pekerjaan.

Ini menunjukkan betapa pentingnya sesuatu program latihan bagi meningkatkan prestasi seseorang pekerja dan dapat menyelesaikan masalah di tempat kerja. SKA yang didapati oleh seseorang pelatih itu dari program latihan diharapkan akan dapat meningkatkan keupayaan pekerja terhadap tugas yang diamanahkan kepada mereka. Pelatih yang baru tamat menjalani program latihan akan mempunyai motivasi yang tinggi untuk menyambung tugas mereka semula di tempat kerja masing-masing. Mereka ingin mempraktikkan apa yang telah dipelajari untuk melihat keberkesanan ilmu yang telah dicurahkan.

Menurut Ibrahim Mamat (1996), seorang guru yang dilantik menjadi pengetua kurang mempunyai pengetahuan tentang tugas pentadbiran dan pengurusan sekolah. Pelaksanaan tugas dilakukan berdasarkan pengalaman yang diperolehi semasa memegang jawatan penolong kanan sekolah. Seorang pengetua itu sepatutnya seorang guru yang banyak pengalaman kerana dinaikkan pangkat sebagai seorang pengetua mengikut kekananan mereka di dalam perkhidmatan perguruan, akan tetapi mereka tidak menjalani latihan formal dan kurang pengalaman di dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah. Maka latihan merupakan satu jalan penyelesaian bagi masalah ini